

16 DEC 1996

Mahathir-Tabung (Bergambar)

MAHATHIR AJAK ORANG RAMAI MENABUNG BAGI JAMIN EKONOMI KUKUH

KUALA LUMPUR, 16 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyeru orang ramai supaya menyahut Kempen Galakan Tabungan yang dilancarkan hari ini untuk menjamin masa depan mereka di samping membantu negara memiliki dan menguasai modalnya sendiri bagi menjamin pembangunan ekonomi.

Perdana Menteri berkata selain daripada mengatasi masalah dan kemalangan, wang simpanan mereka sama ada dalam bank, saham amanah, insurans dan takaful juga dapat dijadikan modal pinjaman yang baik oleh kerajaan dan swasta tanpa meminjam dari luar.

Beliau berkata dalam keadaan negara mengalami imbalan bayaran import yang melebihi hasil daripada eksport, pengaliran wang kerana pinjaman dari luar akan memburukkan lagi imbalan bayaran negara.

Dr Mahathir berkata keadaan tabungan negara yang sihat telah memastikan kedudukan kewangan negara kukuh walaupun bayaran import melebihi eksport.

"Selagi tabungan kita tinggi, selama itulah kita akan dapat menangkis krisis kewangan yang mungkin melanda negara kita," kata beliau ketika melancarkan kempen peringkat kebangsaan itu di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Yang turut hadir pada majlis itu Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang juga Menteri Kewangan, dan Gabenor Bank Negara Datuk Ahmad Mohd Don.

Dr Mahathir berkata walaupun Malaysia terus menerima pelaburan asing bagi membantu proses industrialisasinya, rakyat harus ingat bahawa ianya bukan sesuatu yang terjamin akan terus mengalir seperti yang dialami sekarang.

Kata beliau, negara yang terlalu bergantung kepada modal asing bagi aktiviti pelaburannya akan terdedah kepada kepentingan negara asing dan aliran ekonomi mereka dan kewangan dunia.

Perdana Menteri berkata seperti yang berlaku dalam ekonomi dunia baru-baru ini, sentimen pelabur asing boleh berubah berasaskan perkembangan yang tidak berkaitan dengan perkembangan ekonomi tempatan.

"Walaupun kita akan terus mengalu-alukan pelaburan asing ke Malaysia, kita perlu bersedia untuk mengadakan kemampuan kita sendiri yang lebih mudah ditentukan oleh kita.

"Oleh itu, negara kita perlu memiliki dan menguasai modal kita sendiri untuk menjamin pembangunan ekonomi kita tidak mudah terjejas," kata beliau.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata kadar tabungan negara yang tinggi (36.5 peratus tahun lepas) membolehkan Malaysia membiayai pelaburan dalam negeri tanpa dibebani hutang yang besar dari luar negeri.

Ketika bercakap kepada pemberita kemudian, Perdana Menteri berkata melalui kempen itu, beliau percaya kadar tabungan negara pada masa depan dapat ditingkatkan kepada 45 peratus, iaitu hampir sama dengan kadar pelaburan yang dianggarkan 45.1 peratus untuk tahun ini.

Sebelum itu, Ahmad berkata anggaran kadar tabungan negara sebanyak 38.8 peratus tahun ini tidak mencukupi untuk membiayai kadar pelaburan tahun ini.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata satu daripada sebabnya ekonomi negara tumbuh dengan pesat ialah kerana modal terkumpul negara tinggi dan dapat membiayai pelaburan untuk infrastruktur, perdagangan dan industri.

"Jika modal dalam negeri berkurangan maka kita terpaksa berhutang dari negara asing," kata beliau.

Dr Mahathir berkata wang yang ditabung perlu dilabur untuk mengelak kemungkinan nilai wang yang tidak dibelanja itu daripada merosot, iaitu barangan yang boleh dibeli dengan wang itu akan berkurangan sepanjang masa.

Bagaimanapun, beliau berkata pelaburan melalui wang tabungan itu tidak boleh

dibuat dengan mudah kerana "jika silap melabur semua wang akan hilang begitu sahaja".

"Untuk mengelak daripada ditipu adalah lebih baik jika pelaburan dibuat melalui skim-skim amanah saham yang diurus oleh profesional," kata beliau.

Dr Mahathir berkata kejayaan Kempen Galakan Tabungan bergantung kepada beberapa faktor antaranya pembangunan infrastruktur kewangan yang menarik melalui pengenalan produk dan skim-skim baru, mengurangkan karenah dan halangan lain.

Perdana Menteri berkata kerajaan akan terus melaksanakan dasar yang menjurus kepada pencapaian kestabilan harga secara relatif agar persekitaran untuk menabung akan menjadi selesa supaya tidak wujud kebimbangan bahawa inflasi akan menghakis nilai benar tabungan di sepanjang masa.

Kata beliau, kerajaan melalui pelbagai program, termasuk penyebaran maklum, akan meningkatkan kesedaran di kalangan rakyat mengenai kepentingan menabung dan kebaikan daripada tabiat perbelanjaan yang bijak.

Dr Mahathir juga meminta media massa memberi penekanan dan liputan yang lebih luas terhadap pentingnya menabung kepada orang ramai.

"Saya menyeru semua rakyat Malaysia untuk mematuhi seruan kempen untuk menabung supaya hari esok kita lebih selamat dan bahagia," kata beliau.

-- BERNAMA

ES AHH